



o MRT CORP

Projek berjalan ikut jadual

Projek My Rapid Transit berjalan lancar dan dijadual siap pada masanya iaitu menjelang Julai, 2017, kata Ketua Eksekutif Mass Rapid Transit Corporation (MRT Corp), Datuk Azhar Abdul Hamid.

"Saya tanyakan soalan yang sama kepada pasukan saya setiap minggu sama ada kami boleh siapkan projek itu tepat pada masanya dan jawapannya ialah ya."

"Kami bukannya mahukan pujian. Kami mahu pastikan projek siap dengan baik dan tepat pada masanya agar semua orang mendapat manfaatnya," kata beliau kepada Bernama di majlis rumah terbuka Hari Raya MRT Corp semalam.